

28/09/2001

RM775,484 untuk atlit

KEJAYAAN atlit meraih 111 pingat emas pada Sukan Sea XXI yang lalu menyaksikan Majlis Sukan Negara (MSN) terpaksa mengeluarkan sebanyak RM775,484 daripada tabung Skim Hadiah Kemenangan Sukan (Shakam).

Jumlah itu adalah insentif tertinggi berdasarkan pungutan emas terbanyak dalam sejarah penyertaan kontinjen negara pada temasya dwitahunan itu sejak 1959.

Jumlah tertinggi sebelum ini adalah di Brunei '99 apabila MSN memperuntukkan sebanyak RM402,496 sebagai habuan kepada 107 atlit yang melakar kegemilangan dengan memenangi emas.

Pegawai MSN, Nordin Mohd Yassin, berkata pihaknya merancang mengadakan majlis meraikan kejayaan gemilang kontinjen negara yang akan dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali gus menyampaikan ganjaran itu kepada atlit.

(END)